

**Mahasiswa Islam pula kecam Chua  
Malaysiakini.com  
August 19, 2010**

Sekumpulan persatuan mahasiswa Islam hari ini menghantar memorandum menuntut Presiden MCA Datuk Seri Chua Soi Lek menarik balik kenyataannya yang didakwa menghina sistem pentadbiran dan kewangan Islam.

Memorandum daripada sembilan persatuan itu diserahkan oleh presiden Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) Ahmad Syazwan Hasan kepada seorang pembantu Chua pada jam 3.00 petang di ibu pejabat parti itu ibu negara.

Menurut Ahmad Syazwan (kanan), kenyataan Chua yang dikatakan mendakwa negara Islam mundur, tidak membangun dan tidak progresif serta kenyataannya mengenai mata wang Syariah telah "menggangu sensitiviti umat Islam".

"Kita anggap, beliau tidak faham (mengenai perkara ini). Ini satu penghinaan terhadap Islam dan mengganggu sensitiviti umat Islam," katanya.

Pada Konvensyen Tahunan ke-33 MCA di Alor Star 6 Ogos lalu, Chua dilapor memberi tanggapan negatif kononnya negara-negara Islam.

Manakala pada 14 Ogos, Chua dilaporkan mendakwa pelabur kluatir sekiranya PAS melaksanakan sistem wang syariah sekiranya berjaya menjadi parti pemerintah.

Ketika dihubungi Malaysiakini, Ahmad Syazwan juga, secara sinis juga menjemput Chua menghadiri forum penerangan berhubung sistem pentadbiran dan ekonomi Islam yang akan dianjurkan mereka.

"Kita akan buat pada bila-bila masa dan di mana-mana universiti," katanya sambil mencabar Chua berdebat sekiranya beliau enggan menarik balik kenyataannya.

Antara yang hadir pemimpin Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (Gamis), Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Putra Malaysia (PMIUPM) dan Ikatan Studi Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (ISIUKM).

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/140585>